

29/10/2003

Tiga badan kebajikan terima sumbangan

PUTRAJAYA: Sebanyak tiga badan kebajikan menerima cek bernilai RM82,000 setiap satu hasil pungutan derma Pasukan Crest-Jaseri Racing melalui program pungutan derma di Merdeka Millennium 12 Hour Endurance Race (MMER)

yang diadakan baru-baru ini.

Cek berkenaan diserahkan kepada Yayasan Hati Malaysia, Persatuan Thalassemia Malaysia dan Rumah Anak-anak Yatim Bangi oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Jaseri Racing Sdn Bhd, dalam satu kenyataan kepada Berita Harian berkata, pasukan berkenaan ditubuhkan untuk menyertai perlumbaan berkenaan

dan disertai Pemilik pasukan, Datuk Mokhzani Mahathir, Pelumba pertama Formula 1 negara, Alex Yoong dan bekas pelumba Asian Formula 2000, Faizal

Hakimi Jaafar.

Sepanjang perlumbaan selama 12 jam itu, pasukan berkenaan turut mengadakan kempen pungutan derma iaitu orang ramai mendermakan RM1 bagi setiap pusingan yang dihabiskan pada perlumbaan berkenaan.

Walaupun pasukan berkenaan mengalami kemalangan 30 minit sebelum perlumbaan tamat, ia berjaya menghabiskan sebanyak 248 pusingan dan berjaya mengumpul sehingga RM246,000.

Selama empat tahun pasukan berkenaan menyertai perlumbaan itu dan ia berjaya mengumpul sejumlah wang untuk disalurkan kepada badan kebajikan di seluruh negara.

Mokhzani berkata, beliau berlumba bersama Datuk Azman Yahya dan Aminuddin Omar pada perlumbaan MMER dan berjaya mengumpul RM170,000 tahun itu dan RM180,000 pada 2001.

"Saya gembira melihat kami berjaya mengumpul sebanyak ini walaupun tidak berjaya menghabiskan perlumbaan.

"Pasukan ini terbabas sebanyak dua kali tetapi kami terus mencuba mencapai matlamat yang ditetapkan. Pemungutan derma untuk badan kebajikan menjadikan perlumbaan ini lebih bermakna," katanya.

Pasukan Crest-Jaseri Racing ditaja oleh penaja utama Crest Petroleum Berhad selain Multi Purpose Holding, Malakoff, HL Engineering dan Hong Leong Assurance serta Sistem Televisyen Malaysia (TV3 sebagai rakan media pasukan.